



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS KUNJUNGAN HORMAT REKTOR DAN
PERBINCANGAN BERSAMA KETUA PENGARAH MAJLIS AMANAH
RAKYAT (MARA)**

PADA : 11 NOVEMBER 2016



NOTA REKTOR

KUNJUNGAN HORMAT REKTOR DAN PERBINCANGAN BERSAMA KETUA PENGARAH MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

*Pejabat Ketua Pengarah MARA
Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA,
21, Jalan Raja Laut,
50609 Kuala Lumpur*

1. Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian **YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad**, Ketua Pengarah MARA untuk menerima kunjungan hormat ini.
2. Menyatakan semula hasrat rayuan kelulusan permohonan (secara manual) Skim Pinjaman Pelajaran Mara (SPiP) untuk **54 orang** pelajar program Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS), Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) yang telah dikemukakan. Dilampirkan salinan surat permohonan untuk perhatian dan rujukan.
3. KUIN telah menerima kelulusan dari pihak MARA untuk pembiayaan SPiP bagi program MBBS pada **14 Julai 2014** menerusi surat (**Rujukan MARA: BPP/100/UD75-6**). Sehingga hari ini, terdapat sejumlah 75 orang pelajar yang telah berjaya menerima pembiayaan menerusi permohonan secara atas talian (online) sehingga 31 Disember 2014.
4. Untuk makluman YBhg. Dato', sejak Januari 2015 hingga ke hari ini, baki 54 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) masih belum dapat memohon secara atas talian (online).

5. Oleh yang demikian, besarlah harapan pihak KUIN agar YBhg. Dato' dapat mempertimbangkan dan memberi kelulusan permohonan secara manual untuk **54 orang** pelajar yang berbaki.
6. Pertimbangan dan kelulusan pihak MARA akan dapat membantu KUIN untuk memastikan keseluruhan **133 orang** pelajar sediaada untuk meneruskan dan menamatkan pengajian dengan sempurna.
7. Insya Allah, pihak KUIN sedang menanti proses penilaian untuk Akreditasi Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) yang dijangka akan dilaksanakan pada suku tahun pertama tahun 2017. Pihak KUIN juga berharap agar kelulusan bagi penilaian ini akan membolehkan pihak KUIN membuat pengambilan baru pada sesi kemasukan Jun 2017 yang akan datang.
8. Dengan kelulusan pengambilan pelajar baru, pihak KUIN juga ingin mengemukakan tawaran kerjasama bersama pihak MARA untuk menempatkan pelajar-pelajar di bawah pembiayaan MARA di KUIN bagi melanjutkan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS).
9. Tawaran ini akan juga dapat membantu pihak MARA untuk mengurangkan kos pembiayaan pengajian dengan kadar nisbah **1:6** yang sedang ditanggung untuk pelajar tajaan MARA yang menyambung pengajian ke luar Negara. Kos keseluruhan yuran pengajian bagi program perubatan di KUIN serendah **RM250,000.00** dilihat mampu untuk membantu pihak MARA mengurangkan kos tajaan pengajian luar Negara yang mencecah sehingga **RM1.5 juta** untuk seorang pelajar serta lain-lain kos dan risiko yang terlibat seperti kadar pertukaran mata wang asing dan kejatuhan nilai Ringgit.

10. Selain itu, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman menyokong penuh pembangunan akademik terutamanya bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) dan telah merangka program pembangunan jangka masa panjang dengan cadangan pembinaan sebuah Hospital khusus untuk kegunaan pembelajaran KUIN serta bagi menyediakan perkhidmatan rawatan berlandaskan Islam kepada orang awam sekitar kawasan Sungai Petani, Kuala Ketil, Baling dan Kulim.

11. Ini merupakan satu gambaran positif terhadap pembangunan program perubatan yang komprehensif, di mana KUIN dan Kerajaan Negeri komited dalam menyediakan peluang kerjaya kepada bakal graduan untuk terus menabur khidmat untuk Agama, Bangsa dan Negara.

12. Selain itu juga, KUIN dan Kerajaan Negeri menaruh harapan tinggi agar pihak MARA dapat mempertimbangkan permohonan ini serta mampu untuk meneruskan kerjasama tajaan ini demi kelancaran pembangunan akademik KUIN secara kompetatif, selaras dengan hasrat dan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku Canselor untuk melihat KUIN sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milikan penuh Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah Universiti Penuh menjelang tahun 2017.